



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 57  
Bil. 21

**14hb Oktober 2004**

*TAMBAHAN*  
*No. 2*

---

ORDINAN BINATANG 1953  
ANIMALS ORDINANCE 1953

**No. 1334.**

PERINTAH DI BAWAH SUBSEKSYEN 36(1)

ORDER UNDER SUBSECTION 36(1)

Bahawasanya, penyakit flu unggas wujud di Negeri Kelantan dan boleh dibawa masuk ke dalam Negeri Perak Darul Ridzuan:

Dan bahawasanya, adalah menjadi hasrat untuk mencegah merebaknya flu unggas di Negeri Perak Darul Ridzuan:

Maka, oleh yang demikian, saya Dato' Seri Diraja (Dr.) Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) Ordinan Binatang 1953 [*Ord. 17/1953*], mengisyiharkan seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan menjadi suatu kawasan kawalan flu unggas;

Dan bagi maksud tersebut, melarang pengalihan dan pergerakan apa-apa burung atau karkas, atau bahagiannya (termasuk tahi, bulu, organ dan benda lain yang seumpamanya)—

- (a) masuk ke dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, kecuali dengan kebenaran bertulis Pengarah Negeri Perkhidmatan Veterinar di Semenanjung Malaysia di tempat pengalihan dan pergerakan burung atau karkas, atau bahagiannya (termasuk tahi, bulu, organ dan benda lain yang seumpamanya) berasal; dan

- 
- (b) keluar dari Negeri Perak Darul Ridzuan jika burung atau karkas, atau bahagiannya (termasuk tahi, bulu, organ dan benda lain yang seumpamanya) berasal dari Negeri Perak Darul Ridzuan atau di antara tempat-tempat di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, kecuali dengan kebenaran bertulis Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak Darul Ridzuan.

Bertarikh 4 Oktober 2004

[PSUK.PK.(BPK) 1A 355/9/4-5(40);  
PU.Pk.67/71-12]

DATO' SERI DIRAJA (DR) MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI  
*Menteri Besar*  
*Perak*

Whereas, the disease of fowl plague exists in the State of Kelantan and may be introduced into the State of Perak Darul Ridzuan:

And whereas, it is desired to prevent the introduction of fowl plague in the State of Perak Darul Ridzuan:

Now, therefore, I, Dato' Seri Diraja (Dr.) Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar of Perak Darul Ridzuan, in exercise of the powers conferred by subsection 36(1) of the Animals Ordinance 1953 [*Ord. 17/1953*], declare the whole State of Perak Darul Ridzuan to be a fowl plaque control area;

And for that purpose, prohibit the removal and movement of any bird or carcass, or part thereof (including droppings, feathers, organs and other similar things)—

- (a) into the State of Perak Darul Ridzuan, except with the written permission of the State Director of Veterinary Services in Peninsular Malaysia where the removal and movement of the bird or carcass, or part thereof (including droppings, feathers, organs and other similar things) originated; and

(b) out of the State of Perak Darul Ridzuan if the bird or carcass, or part thereof (including droppings, feathers, organs and other similar things) originated from the State of Perak Darul Ridzuan or between places in the State of Perak Darul Ridzuan, except with the written permission of the Director of Veterinary Services of the State of Perak Darul Ridzuan.

Dated 4 October 2004

[PSUK.PK.(BPK) 1A 355/9/4-5(40);  
PU.Pk.67/71-12]

DATO' SERI DIRAJA (DR.) MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI

*Menteri Besar  
Perak*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA